

## Pemetaan dan Pengklasifikasian Domain Semantik Syariah berdasarkan Hubungan Makna Leksikal Kata Pinjaman Bahasa Arab

Noorazlin Abu Bakar<sup>1</sup>, Indirawati Zahid<sup>1\*</sup>, Mohammad Fadzeli Jaafar<sup>2</sup> dan Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

### ABSTRAK

Domain semantik syariah merujuk kepada sekumpulan kata-kata yang berkongsi komponen makna bersama berkenaan hukum atau peraturan yang merangkumi hubungan manusia dengan Allah, sesama manusia dan alam semesta. Kajian ini bertujuan memetakan dan mengklasifikasikan domain semantik Syariah melalui struktur hubungan makna bagi mengatasi takrifan syariah yang luas cakupannya baik dalam *Kamus Dewan Perdana* (KDP) mahupun *al-Mu'jam al-Wasit* (MW). Analisis pemetaan ini mengaplikasikan kajian kualitatif dengan pengumpulan kata pinjaman BA berserta takrifannya dalam KDP bagi memperlihatkan leksikal yang dapat diklasifikasikan ke dalam domain Syariah. Pemetaan domain ini distrukturkan berdasarkan hubungan makna hipernim, hiponim dan kohiponim seperti mana dalam Teori Domain Semantik Trier dan diselaraskan dengan perbincangan sarjana syariah. Cakupan domain syariah yang luas ini dibahagikan kepada empat subdomain yang lebih khusus: ibadat, muamalah, munakahah dan jinayah. Dapatkan memperlihatkan berlakunya hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain bertitik tolak daripada polisem makna dan fitur makna bersama dan distingtif kata yang dirujuk. Hubungan intrasubdomain ini dilihat menerusi perkataan fidyah, infak, dan khiyar, manakala hubungan intrasub-subdomain pula menerusi perkataan Kaabah, hakim<sup>1</sup>, dan qada. Hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain secara sistematik melalui penstrukturkan dalam pemetaan dan pengklasifikasian

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received: 13 September 2023

Accepted: 18 December 2023

Published: 05 February 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S1.01>

#### E-mail addresses:

noorazlin@um.edu.my (Noorazlin Abu Bakar)

indirawati@um.edu.my (Indirawati Zahid)

fadzeli@ukm.edu.my (Mohammad Fadzeli Jaafar)

wzk\_ali@um.edu.my (Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali)

\*Corresponding author

domain semantik yang dilakukan ini dapat mempermudah pemahaman takrifan syariah yang luas cakupan domainnya. Hal ini amat bermanfaat dalam pemahaman undang-undang syariah Islam.

*Kata kunci:* Domain semantik, hubungan makna, intrasubdomain, intrasub-subdomain, syariah

---

## ***The Mapping and Classification of Shariah's Semantic Domain based on Semantic Relations of Arabic Loanwords Lexical***

### **ABSTRACT**

*Shariah's semantic domain refers to a group of words that share common semantic properties of laws or regulations including the human's relationships towards Allah, fellow human beings and nature. This study aims to map and classify Shariah's semantic domain through the structure of semantic relations to overcome the broad definition of Shariah in both Kamus Dewan Perdana (KDP) and al-Mu'jam al-Wasit (MW). This mapping analysis applies a qualitative study by collecting Arabic loanwords and definitions in KDP to show lexical items that can be classified into the domain of shariah. This mapping is structured based on the semantic relations of hypernym, hyponym and co-hyponym in the Trier Semantic Domain Theory and coordinated with the discussion of Shariah's scholars. The broad coverage of Shariah's domain can specifically be divided into four subdomains: ibadat, muamalat, munakahat, and jinayat. Findings show that intra-subdomain and intra-sub-subdomain relations are due to the polysemous meaning and the common and distinctive semantic features of the referred word. The relations of intra-subdomain are shown among the words fidyah, infak, and khiyar, while the relations of intra-sub-subdomain are shown among the words Kaabah, hakim<sup>1</sup>, and qada. The relations of intra-subdomain and intra-sub-subdomain systematically through structuring in the semantic domain mapping and classification that has been carried out will facilitate the understanding of the broad domain of Shariah's definition. It is very beneficial in understanding Islamic shariah law.*

*Keywords:* Intra-subdomain, intra-sub-subdomain, semantic domain, semantic relations, shariah

---

### **PENGENALAN**

Kata syariah dan syariat digunakan secara bertukar ganti dalam bahasa Melayu (BM) bagi mendukung makna yang sama, iaitu berkaitan dengan agama dan undang-undang agama. Kata pinjaman bahasa Arab (BA) ini ditakrifkan oleh *Kamus Dewan Perdana*

(KDP)<sup>1</sup>, (2021, p. 2195) sebagai (1) hukum atau peraturan yang telah ditentukan oleh Allah SWT termasuklah hubungan manusia dengan Tuhan, manusia lain ataupun alam

---

<sup>1</sup> KDP merupakan kamus bahasa Melayu terbesar dan terlengkap yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu sebuah badan berkanun yang diberi kuasa autonomi dalam pengembangan bahasa Melayu.


sekitar yang berdasarkan al-Quran, hadis dan ijmak ulama; syarak; syariat; (2) berkaitan dengan hukum atau peraturan yang telah ditentukan oleh Allah SWT termasuklah hubungan manusia dengan Tuhan, manusia lain ataupun alam sekitar yang berdasarkan al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Sementara itu, *al-Mu'jam al-Wasit* (MW)<sup>2</sup>, (2011: p. 498) pula mentakrifkan syariah sebagai (1) apa-apa yang disyariatkan oleh Allah kepada hamba-Nya dari segi iktikad dan juga hukum-hakam; (2) jalan; seperti yang diturunkan dalam al-Quran ‘kesudahannya kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utusan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) daripada hukum-hukum agama, maka turutlah syariat itu’; (3) sumber air yang tidak kering-kering; dan (4) bendul.

Takrifan syariah dalam KDP memperlihatkan dua polisem makna yang serupa, manakala dalam MW pula disenaraikan empat polisem makna yang berbeza kecuali bagi polisem pertama dan kedua yang saling berkaitan. Secara ringkasnya, takrifan syariah dalam KDP merujuk kepada segala hukum atau peraturan yang berhubungan antara manusia dengan Tuhan; manusia dengan manusia; ataupun manusia dengan alam sekitar yang bersumberkan al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Sementara itu, takrifan syariah dalam MW pula merujuk kepada segala perintah Allah dari aspek kepercayaan dan

<sup>2</sup> MW merupakan kamus bahasa Arab terbitan *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah*, iaitu Akademi Bahasa Arab di Mesir yang menjadi pegangan para pelajar bahasa Arab di peringkat pertengahan dan lanjutan universiti.

hukum-hakam serta cara pelaksanaannya berpandukan al-Quran. Secara umumnya, kedua-dua kamus ini memperlihatkan takrifan yang hampir sama berkaitan hukum dan peraturan Allah, walau bagaimanapun polisem ketiga dan keempat dalam MW tidak dibincangkan dalam kajian ini kerana tidak berhubungan dengan hal agama dan undang-undang agama.

Para pakar undang-undang dan syariah Islam secara umumnya mendefinisikan syariah sebagai tuntutan Allah berhubungan dengan tindak-tanduk manusia di luar akhlak yang disebut sebagai undang-undang atau aturan-aturan yang bersifat praktikal (Kamaruddin & Abdullah, 2002, p. 149). Sementara itu, syariah dari segi syarak ialah hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah dalam al-Qur'an dan al-Sunnah terdiri daripada hukum-hukum terperinci seperti kewajipan zakat, pengharaman riba, keharusan jual beli, perkahwinan dan sebagainya; dan prinsip-prinsip umum (Hanapi, 2016, p. 239). Sehubungan itu, takrifan syariah ini dapat digambarkan dalam domain semantik syariah pada Rajah 1 berikut.



Rajah 1. Domain semantik syariah

Rajah 1 memperlihatkan kata-kata dalam domain semantik syariah yang berkaitan dengan peraturan dan hukum dalam beragama antaranya ialah zakat, jual beli, perkahwinan dan sebagainya. Kata-kata dalam domain semantik syariah ini memiliki komponen makna bersama melalui fitur [+hukum] dan [+peraturan].

Domain semantik syariah memperlihatkan sejumlah kata yang banyak serta luas cakupannya. Implikasinya, ini akan menimbulkan isu kekeliruan kefahaman bertitik tolak daripada khalayak pengguna khususnya orang awam yang tidak berpengetahuan dalam bidang agama. Ini akan menimbulkan kesukaran untuk memahami takrifan syariah secara jelas. Sehubungan itu, permasalahan ini menjadi titik tolak kepada objektif kajian, iaitu memetakan domain semantik syariah dan mengklasifikasikan kata pinjaman BA bagi menjelaskan takrifan tersebut secara sistematik melalui hubungan makna leksikal. Objektif ini adalah bagi menjawab persoalan kajian bahawa terdapat struktur domain yang tertentu bagi mempermudah kefahaman cakupan kata ini.

## SOROTAN LITERATUR

Sorotan kajian ini membincangkan kajian lepas yang berfokus kepada kajian domain semantik di luar negara dan di dalam negara. Kajian lepas berkaitan domain semantik ini dikumpulkan bagi tempoh penyelidikan 2015 sehingga terkini, iaitu 2023. Kajian yang dilakukan mencakupi perbincangan domain semantik perkataan-perkataan pelbagai bahasa.

## Kajian Domain Semantik Luar Negara

Kajian domain semantik luar negara memperlihatkan kajian terhadap kata kerja seperti memotong dan aktiviti tangan, dialek, kata pinjaman serta istilah-istilah bidang kesihatan. Kajian berkenaan domain semantik atau medan makna memotong merupakan kajian popular dalam sela masa setiap tiga tahun yang dilakukan oleh pelbagai pengkaji luar negara. Lestari et al. (2015) mengkaji medan makna ini dalam konteks Bahasa Melayu Dialek Sambas dengan mengaplikasikan kaedah deskriptif. Pengumpulan data bersumberkan tiga informan setempat telah menemukan 34 perkataan bagi medan makna ini yang dikategorikan berdasarkan tiga komponen makna kaedah pemotongan: (1) dengan alat, (2) tanpa alat, dan (3) dengan alat dan tanpa alat. Seterusnya, Rachmayanti et al. (2018) pula menganalisis medan makna ini dalam konteks umum bahasa Indonesia dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif dan analisis hiponim. Hasil kajian mendapati superordinat *memotong* mempunyai hubungan inklusif dengan perkataan-perkataan lain seperti *membelah*, *memangkas*, dan *mengerat* sebagai subordinatnya/hiponimnya. Hubungan hiponim antara perkataan ini dianalisis dari aspek komponen makna yang membentuk makna leksikal. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini dapat dianalisis dengan lebih terperinci lagi, selain daripada sumber data yang tidak dinyatakan dalam kajian. Selanjutnya, Atmawati (2021) mengkaji medan makna ini dengan memfokuskan kepada bahasa

Jawa bagi menganalisis perkataan-perkataan dalam domain serta faktor sosiobudaya yang berperanan terhadap makna leksikal berdasarkan kaedah kualitatif deskriptif dan pendekatan sosiosemantik. Hasil temu bual bersama penduduk setempat menemukan 15 perkataan sebagai dapatan antaranya *mancung*, *mapras*, dan *mbabat*. Namun begitu, kajian ini hanya membincangkan analisis komponen makna bersama sahaja dari aspek domain semantiknya.

Selain itu, kajian berkenaan aktiviti tangan turut popular dilakukan dalam kajian domain semantik. Hilmi dan Loren (2019) mengkaji medan makna ini dalam konteks bahasa Sasak Dialek Ngeno-Ngene yang melibatkan 30 orang penutur natif dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif deskriptif. Dapatkan menemukan 54 perkataan yang selanjutnya dianalisis kepada 19 submedan berbeza berdasarkan komponen makna. Meskipun hasil kajian ini memperlihatkan pengklasifikasi submedan, namun hubungan antara submedan tersebut tidak dibincangkan. Sementara itu, Hutasuhut dan Waridah (2019) pula mengkaji medan makna ini dalam konteks bahasa Mandailing dengan bersumberkan kamus bahasa Angkola/Mandailing (1997) dan temu bual bersama masyarakat Mandailing yang berusia 50-an hingga 60-an. Hasilnya, sebanyak 85 perkataan telah dikumpulkan dan dikelaskan kepada 20 kumpulan/subdomain berbeza berdasarkan komponen makna. Namun demikian, kesemua senarai perkataan 20 subdomain ini tidak dipaparkan kecuali subdomain *holding* sahaja, iaitu sebanyak

sembilan perkataan. Selain itu, istilah domain dan subdomain sering kali digunakan secara bertukar ganti dalam kajian walhal kedua-duanya berbeza rujukan aras.

Sementara itu, Nurhuda (2018) telah menganalisis medan makna jihad daripada perspektif BA dan Islam bagi mengenal pasti makna-makna yang berhubungan. Dapatkan memperlihatkan kepelbagaiannya makna yang menjurus kepada polisemi makna kata jihad berdasarkan kolokasi yang ditemukan dalam skop ibadah, dakwah, tasawuf dan akidah. Namun begitu, kajian ini didapati tidak menyatakan sumber kata jihad dan perkataan yang mempunyai persamaan morfologi dan semantik dengannya secara terperinci, sebaliknya hanya memberikan contoh daripada ayat-ayat al-Quran sahaja sebagai hurai analisis.

Selanjutnya, Butar (2021) telah menganalisis domain semantik berkaitan istilah *Coronavirus* dalam laman web World Health Organization (WHO). Dapatkan menemukan enam domain semantik berserta perkataan-perkataannya: (1) domain bahaya *Coronavirus*, (2) domain prosedur pencegahan, (3) domain jenis-jenis virus, (4) domain perubatan, (5) domain transmisi *Coronavirus* dan (6) domain organisasi. Kesemua perkataan dalam setiap domain ini dibincangkan fitur maknanya. Kajian ini didapati tidak menjelaskan kaedah dalam menjeniskan setiap domain tersebut yang berkemungkinan terdapat juga domain lain yang berkaitan. Terakhir, Toni et al. (2021) telah menganalisis pemetaan semantik nama flora dan fauna dalam dialek Landu bahasa Rote. Data dikumpulkan

melalui kajian lapangan dengan merujuk penutur asli setempat dan seterusnya dianalisis berpandukan model Suweta (2013) dan Mbete et al. (2015). Hasil kajian menemukan empat domain semantik yang berbeza. Walau bagaimanapun, kajian ini tiada membincangkan kaedah pembentukan pemetaan domain semantik tersebut.

### Kajian Domain Semantik Dalam Negara

Kajian domain semantik dalam negara pula memperlihatkan kajian terhadap domain perwatakan, emosi dan hati budi dalam karya-karya sastera, frasa politik, kata kerja serta kata pinjaman. Kajian dalam negara ini dilakukan antaranya oleh Ahmad et al. (2017) yang menganalisis korpus bertema berdasarkan Teori Medan Makna dalam prosa Zarzuriyyat Ibn Fakhaar yang bersumberkan buku *Udaba' Malaqa* (1999). Hasil kajian menemukan dua tema perwatakan berdasarkan hubungan makna, iaitu perwatakan manusia dermawan diperihalkan menerusi hubungan meronim, manakala perwatakan burung Zarzuur pula diperihalkan menerusi hubungan polisem, hipernim, hiponim, holonim dan meronim. Dapatkan ini membuktikan bahawa aplikasi Teori Medan Makna dalam menganalisis korpus bertema bermanfaat terhadap pemahaman teks sastera.

Selanjutnya, Nor (2017) menganalisis medan makna emosi hati dalam pantun Melayu bersumberkan *Teks Karya Agung Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001). Medan makna emosi dianalisis melalui anatomi hati manusia dan hasil kolokasi. Kaedah linguistik korpus diaplikasi

menggunakan perisian *Antconc 3.4*. Dapatkan menemukan medan makna emosi positif: gembira, kasih sayang dan cinta serta medan makna emosi negatif: bimbang, sedih, kecewa, marah dan dendam dalam menjelaskan makna konotatif hati sebagai emosi orang Melayu.

Sementara itu, Idris (2018) dan Saleh et al. (2021) memperlihatkan persamaan analisis kata fokus dan kata kunci dalam kajian masing-masing. Idris menggunakan 18 warkah Melayu lama abad ke-19 bagi mengkaji domain semantik hati budi Melayu. Kajian ini mengenal pasti konsep jalinan perkaitan makna antara perkataan dengan mengintepretasikan kata fokus, kata kunci dan rangkaian kesatuan makna dalam lingkungan konsepsi keperibadian Melayu lama khususnya golongan bangsawan berdasarkan model analisis medan makna Toshihiko Izutsu (1964) dan Syed Mohd Naguib al-Attas (1990). Berbeza dengan Saleh et al. (2021) yang menggunakan Teori Medan Makna Trier (1931) untuk menganalisis medan makna ‘Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah.’ Kajian ini mengenal pasti dan memperoleh leksikal yang relevan dengan tema, kata fokus dan kata kunci dalam ungkapan ‘Malaysia Baharu’ berdasarkan satu teks ucapan dan 20 laporan akhbar. Ringkasnya, kedua-dua kajian ini didapati hanya tertumpu pada kata kunci dan kata fokus tanpa membincangkan struktur hubungan makna dalam domain.

Seterusnya, Zahid (2020) mengkaji domain semantik kecantikan dalam iklan produk kecantikan wanita bersumberkan

iklan dalam talian jenama D'HERBS dan Vida Beauty. Kajian ini dilakukan dengan menganalisis kata kerja dalam domain semantik kecantikan wanita bahagian muka dan badan. Kerangka kerja Leech (1966) telah diaplikasikan dengan penambahan skop domain semantik, hubungan leksikal dan analisis frekuensi. Fokus kajian ialah penggunaan kata kerja yang berkolokasi dalam dua domain semantik tersebut bagi memperlihatkan fungsi atributnya dalam bahasa iklan. Sehubungan itu, kajian ini didapati tiada perkaitan dengan kajian pemetaan domain semantik yang dilakukan kerana tumpuan perbincangannya tidak menjurus kepada struktur domain secara keseluruhan. Terakhir, Zahid et al. (2022) telah menganalisis pemetaan domain semantik kata akidah berdasarkan hubungan makna hipernim, hiponim dan kohiponim bagi mengatasi kekaburuan takrifan yang dirujuk dalam KDP (2021) dan MW (2011). Hasil kajian memperlihatkan hubungan makna intrasubdomain dan intrasub-subdomain dengan leksikal kata pinjaman BA yang terangkum dalam domain semantik akidah telah dapat menjelaskan permasalahan kekaburuan takrifan akidah.

Berdasarkan sorotan yang dilakukan didapati masih belum ada kajian domain semantik syariah. Kajian lepas berkenaan domain semantik banyak berfokus pada kata dalam bahasa natif, iaitu bahasa Indonesia menerusi tiga kajian yang menganalisis kata memotong oleh Lestari et al. (2015), Rachmayanti et al. (2018) dan Atmawati (2021), dan dua kajian yang menganalisis aktiviti tangan yang dilakukan oleh Hilmi

dan Loren (2019) dan Hutasuhut dan Waridah (2019). Kajian-kajian tersebut mengaplikasikan kaedah analisis komponen makna yang memperlihatkan daptan yang tidak seragam kerana analisis tersebut bergantung kepada penguasaan, kemahiran, latar belakang dan pengalaman berbahasa pengkaji. Sementara itu, terdapat dua kajian yang menggunakan kaedah analisis kolokasi: Nurhuda (2018) dan Zahid (2020), dan dua kajian yang menggunakan kaedah analisis kata fokus dan kata kunci: Idris (2018) dan Saleh et al. (2021). Kaedah kolokasi ini diaplikasikan bagi mendapatkan makna kata berdasarkan penggunaannya bersama-sama dengan kata yang lain, manakala kaedah kata fokus dan kata kunci pula diaplikasikan bagi mengenal pasti konsep jalinan perkaitan makna dengan perkataan dalam domain yang dikaji. Hanya terdapat satu kajian domain semantik bagi kata pinjaman BA, iaitu kata akidah yang telah dilakukan oleh (Zahid et al., 2022) bagi menjelaskan kekaburuan takrifan akidah dengan memperlihatkan hubungan makna intrasubdomain dan intrasub-subdomain.

Kajian lepas yang dibincangkan tidak memperlihatkan kajian domain semantik kata syariah yang memperlihatkan permasalahan cakupan takrifan yang luas. Sehubungan itu, kajian ini akan mengaplikasikan kaedah yang sama dalam kajian Zahid et. al 2022), iaitu analisis hubungan makna antara leksikal yang terangkum dalam domain berdasarkan kepada penstrukturuan hubungan makna hipernim, hiponim dan kohiponim melalui proses pemetaan domain. Oleh itu, hasil kajian ini akan memperlihatkan

dapatkan yang lebih holistik berkaitan domain semantik kata yang dianalisis.


## DATA KAJIAN

Pemilihan kata syariah dalam analisis ini bertitik tolak daripada keperluan memahami takrifan kata secara tepat dan betul. Ini kerana syariah berkaitan dengan hukum yang berimplikasi kesan yang diterima sama ada di dunia mahupun di akhirat. Oleh itu, mempermudah kefahaman khalayak berkaitan takrifan ini merupakan satu tanggungjawab sosial sesuatu kajian.

## METODOLOGI

Penyelidikan kualitatif ini melibatkan tiga prosedur: (1) melakukan proses pemetaan domain semantik syariah bagi mendapatkan struktur klasifikasi subdomain dan sub-subdomain, (2) pengeskrakan kata pinjaman BA berlabel ataupun tidak berlabel ‘Ar’ daripada KDP dengan merujuk silang kepada MW, *A Malay-English Dictionary* oleh Wilkinson (1959), *Kamus Bahasa Melayu* oleh Winstedt (1960), *Arabic Loan-Words in Malay* oleh Beg (1979), *Ilmu Mengarang Melayu* oleh Za’ba (2002), *Loan-Words in Indonesian and Malays* oleh Jones (2008), dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) bagi tujuan pengabsahan etimologi, dan (3) pengklasifikasian kata pinjaman BA dalam peta domain dengan merujuk takrifan daripada buku tulisan para sarjana, kamus istilah, *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, KDP dan juga perbincangan bersama pakar bidang syariah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Prosedur ini

diperlihatkan secara ringkas dalam Rajah 2 berikut.



Rajah 2. Metodologi pemetaan dan pengklasifikasian domain semantik syariah


Prosedur pertama hingga ketiga secara sistematik memetakan dan mengklasifikasikan kesemua kata pinjaman BA domain semantik syariah yang luas cakupannya dalam struktur yang lebih mudah difahami dan dihubungkan dengan makna antara satu sama lain berdasarkan fitur bersama dan distingtif yang wujud. Fitur bersama merujuk kepada perkongsian komponen makna, manakala fitur distingtif pula merujuk kepada komponen makna yang berbeza. Hasil daripada fitur distingtif ini akan memberikan kata kunci yang membezakan setiap sub-subdomain yang dibincangkan.

## PENDEKATAN ANALISIS PEMETAAN DOMAIN SEMANTIK SYARIAH

Penyelidikan ini berasaskan konteks negara Malaysia yang mematuhi ajaran Ahli

Sunnah Waljamaah seperti yang diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)]. Malaysia merupakan negara Islam yang berpegang dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah menurut kefahaman Mazhab Shafi'i dalam fiqah (Al-Bakri, 2020). Fiqah Islam ialah pengetahuan terhadap hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah bagi setiap tindak-tanduk manusia (Mohamad, 1996) dan secara umumnya tertumpu kepada perbahasan hukum syarak yang berbentuk amali dan dalil hukum bagi setiap masalah secara terperinci (Rosele, 2021). Kebanyakan ulama fiqah membahagikan ilmu ini kepada empat: (1) ibadah, (2) muamalat, (3) munakahat dan (4) jinayat (Hussain et al., 2013; Lubis, 1972; Othman & Badruddin, 2020). Sehubungan itu, kajian ini memetakan domain semantik

syariah berdasarkan kepada pembahagian ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat yang diselaraskan dengan konsep hipernimi, hiponimi dan kohiponimi dalam Teori Domain Semantik Trier (1931) atau dirujuk juga sebagai Teori Medan Makna Trier. Dalam teori ini, Trier merumuskan medan makna kata pengetahuan dalam bahasa Jerman yang merangkumi *wisheit*, *kunst*, dan *list* berdasarkan hubungan makna hipernim, hiponim dan kohiponim. Secara ringkasnya, analisis pemetaan domain semantik syariah ini memanfaatkan pendekatan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (1984) yang diselaraskan dengan Teori Domain Semantik Trier (1931) bagi membentuk Model Pemetaan Domain Semantik Syariah (MPDSS) yang diperlihatkan dalam Rajah 3 berikut.



Rajah 3. Model pemetaan domain semantik syariah (MPDSS)

MPDSS dalam Rajah 3 dibentuk berpandukan kepada pendekatan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (1984) yang mematuhi ajaran Ahli Sunnah Waljamaah bagi


mendapatkan takrifan dan perbincangan syariah. Perbincangan syariah dibahagikan kepada empat: (1) ibadat, (2) muamalat, (3) munakahat dan (4) jinayat yang diselaraskan

semula dalam Teori Domain Semantik Trier (1931) yang memperlihatkan hierarki tiga aras hubungan makna: aras (1) hipernim, (2) hiponim dan (3) kohiponim dalam domain. Dalam konteks ini, hipernim merujuk kepada domain, hiponim merujuk kepada subdomain dan kohiponim merujuk kepada sub-subdomain yang kesemuanya ini merujuk pada Prosedur 1 dalam metodologi. Seterusnya, apabila data dianalisis pada peringkat domain spesifik, hiponim pada Prosedur 1 telah berubah hierarki aras

kepada hipernim. Hal yang sama berlaku pada kohiponim Aras 3 dalam domain umum berubah hierarki kepada hiponim. Kedua-dua perubahan hierarki ini merujuk pada Prosedur 2 dan 3 dalam metodologi.

## DAPATAN KAJIAN

Pemetaan domain semantik syariah (PDSS) dibentuk berdasarkan pendekatan dalam Prosedur 1 yang merujuk kepada domain umum seperti Rajah 4.



Rajah 4. Pemetaan domain semantik syariah (PDSS)

PDSS dalam Rajah 4 memperlihatkan tiga aras dalam hierarki domain ini, iaitu aras pertama, hipernim ‘syariah’ dirujuk juga sebagai domain; aras kedua, hiponim ‘ibadat’, ‘muamalat’, ‘munakahat’ dan ‘jinayat’ dirujuk juga sebagai subdomain apabila dibaca secara vertikal, manakala aras ketiga merujuk pada kohiponim yang dirujuk juga sebagai sub-subdomain apabila dibaca secara horizontal. Contohnya, pada aras kedua sebelum ini, hiponim ibadat

akan berubah menjadi hipernim apabila terdapat pembahagian yang lebih khusus di bawahnya seperti solat, puasa, zakat dan haji. Sehubungan itu, solat, puasa, zakat dan haji menjadi hiponim di bawah hipernim ibadat dan merupakan kohiponim antara satu sama lain.

Syariah dirujuk sebagai hipernim, iaitu kata umum yang memayungi sejumlah kata-kata lain di bawahnya yang berkongsi komponen makna bersama, iaitu fitur

[+hukum] dan [+peraturan]. Hipernim atau domain dibahagikan kepada empat hiponim atau subdomain yang merujuk pada kata-kata yang lebih khusus di bawah syariah, iaitu ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat. Setiap subdomain ini juga mempunyai sejumlah kata-kata yang lebih khusus di bawahnya yang merujuk pada aras sub-subdomain. Contohnya, subdomain ibadat memperlihatkan sub-subdomain solat, puasa, zakat dan haji yang lebih khusus di bawahnya. Hal yang sama bagi subdomain muamalat, munakahat dan jinayat yang memperlihatkan sub-subdomain masing-masing secara khusus. Hasilnya, pemetaan ini dapat menstrukturkan pengertian syariah secara sistematis dan holistik.

Subdomain ibadat merangkumi solat, puasa, zakat dan haji yang dirujuk sebagai ibadat khusus (Yahaya et al., 2014, p. 40), iaitu pelaksanaan rukun Islam (Maarof & Majid, 2015a). Dalam konteks domain semantik, perkara ini dirujuk sebagai sub-subdomain yang dilabelkan dengan angka 2, 3, 4 dan 5 berpadanan dengan urutan masing-masing dalam rukun Islam. Angka 1 merujuk kepada rukun Islam yang pertama, iaitu mengucap dua kalimah syahadah merupakan asas utama dalam pelaksanaan kesemua ibadat tersebut.

Subdomain muamalat pula merangkumi perkara-perkara yang memerihalkan hukum harta dalam urusan kehidupan manusia seperti pertukaran, perwarisan dan kebajikan. Hal ini kerana muamalat dikhkususkan bagi hukum-hukum berkaitan pemilikan harta dan urus niaga yang bersangkut paut dengannya (Majid, 1999). Hukum ini berkaitan

dengan urusan pertukaran harta benda misalnya cara jual beli, sewa-menyewa, pinjam-meminjam, hutang-piutang, gadai-menggadai, upah-mengupah, jaminan, bersyarikat dan sebagainya (Hussain et al., 2013, p. 11; Ismail, 2015; Jantan, 2001, p. 3). Lazimnya, muamalat ini diuraikan di bawah tajuk jual beli, riba, pinjaman, pewarisan, wakaf dan seumpamanya. Namun bagi memperlihatkan penstrukturran yang sistematik, maka pertukaran harta, perwarisan harta dan kebajikan harta dijadikan sebagai sub-subdomain yang merangkumi keseluruhan aspek pengurusan harta di bawah subdomain ini.

Subdomain munakahat merangkumi perkara-perkara yang melibatkan undang-undang dalam keluarga Islam meliputi hubungan yang berlaku antara seseorang dengan keluarganya, serta hak dan kewajiban yang wujud disebabkan hubungan perkahwinan. Undang-undang ini bertujuan mengatur dan menyusun kehidupan berkeluarga seperti nikah, cerai, rujuk, nafkah dan seterusnya (Hussain et al., 2013, p. 12; Maarof & Majid, 2015b, p. 1). Sehubungan itu, bagi menstrukturkan perbincangan munakahat secara sistematis maka pernikahan dan perceraian dijadikan sebagai sub-subdomain di bawah subdomain ini.

Subdomain jinayat pula merangkumi jenis jenayah dan hukuman terhadap perilaku kesalahan manusia seperti hudud, qisas dan takzir. Penyataan ini diperkuuh dengan penjelasan oleh Maarof dan Majid (2015c, p. 27) dan Al-Bakri (2017a, p. 287), iaitu jenayah yang berasal daripada kata

*jinayat* dalam BA yang bererti melakukan sesuatu perkara yang ditegah oleh Allah terhadap tubuh, harta dan maruah atau meninggalkan sesuatu suruhan-Nya yang disertakan dengan amaran hukum hudud, qisas dan takzir. Secara umumnya, hudud dan qisas merujuk kepada hukuman yang telah ditentukan ketetapannya oleh syarak menerusi al-Quran dan hadis, manakala takzir pula ialah hukuman selain daripada hudud dan qisas yang bergantung kepada kebijaksanaan pemerintah ataupun kadi untuk menguruskannya. Pembahagian sub-subdomain ini berdasarkan kepada kesalahan dalam perundangan Islam yang dibahagikan kepada tiga kategori: kesalahan (1) hudud, (2) qisas dan (3) takzir (Mohamad, 1985; Mutalib et al., 2014; Rahman, 1989).

P D S S menjadikan sas bagi pengklasifikasian kata pinjaman BA dalam domain semantik syariah secara sistematik. Ini selari dengan pernyataan Nida (1996, p. 32) bahawa set makna yang terkandung

dalam domain sememangnya penting dalam analisis semantik kerana dalam siri makna yang berhierarki terdapat terlalu banyak makna yang berhubungan antara satu sama lain. Dalam kajian ini, makna syariah yang merangkumi makna ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat dapat diperlihatkan secara spesifik melalui hierarki dalam domain semantik, iaitu hubungan makna hipernim, hiponim dan kohiponim yang wujud antara kata pinjaman BA yang diklasifikasi.

## PERBINCANGAN

PDSS dalam dapatan kajian membolehkan kata pinjaman BA diklasifikasikan ke dalam domain semantik syariah berdasarkan struktur subdomain dan sub-subdomain yang menjurus kepada analisis domain spesifik seperti dalam Jadual 1. Pengklasifikasian kata dalam domain ini berpandukan kepada takrifannya dalam KDP.

Jadual 1  
Pengklasifikasian kata pinjaman BA dalam domain semantik Syariah

Domain		Syariah					
Subdomain		Ibadat			Muamalat		
Sub-subdomain	Solat	Puasa	Zakat	Haji	Pertukaran Harta	Pewarisan Harta	Kebajikan Harta
<b>Kata pinjaman BA dalam BM</b>	wuduk	fidyah	amil <sup>1</sup>	fidyah	al-murabahah	faraid	hibah
	imam	imsak	asnaf	ihram	al-rahnu	niat	infak
	Kaabah	niat	niat	Kaabah	al-iijarah	usyur	niat
	niat	qada	nisab <sup>2</sup>	niat	khiyar	waris <sup>1</sup>	sedekah
	qada	Ramadan	Ramadan	tawaf	niat	wasi	wakaf <sup>1</sup>

Jadual 1 (Sambung)

Domain		Syariah			
Subdomain	Munakahat			Jinayat	
Sub-subdomain	Pernikahan	Perceraian	Hudud	Qisas	Takzir
<b>Kata pinjaman BA dalam BM</b>	akad nikah	fasakh	alkohol	diat <sup>1</sup>	hakim <sup>1</sup>
	infak	hadanah	hakim <sup>1</sup>	fidyah	khalwat
	khiyar	idah <sup>1</sup>	liwat	hakim <sup>1</sup>	maksiat
	mahar	khuluk	niat	maaf	niat
	niat	niat	zina	niat	rasuah

**Petunjuk**
 Intrasubdomain

 Intrasub-subdomain

Jadual 1 memaparkan pengklasifikasi beberapa kata pinjaman BA dalam domain semantik syariah yang secara langsung memperlihatkan hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain pada perkataan tertentu. Hubungan intrasubdomain berlaku apabila perkataan yang sama dapat diklasifikasi pada mana-mana dua subdomain ataupun lebih seperti kata niat, fidyah, infak, dan khiyar. Sementara itu, hubungan intrasub-subdomain pula berlaku apabila perkataan yang sama dapat diklasifikasi pada mana-mana dua sub-subdomain ataupun lebih di bawah subdomain yang sama seperti kata Kaabah, hakim<sup>1</sup>, qada, dan Ramadan. Berikut dibincangkan secara rinci hubungan makna subdomain-subdomain ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat di bawah domain Syariah.

**Subdomain Ibadat**

Subdomain ini dibahagikan kepada empat sub-subdomain: (1) solat, (2) puasa, (3)

zakat dan (4) haji (Jadual 1). Pembahagian sub-subdomain ini berdasarkan kepada fitur distingtif, iaitu [+rukun Islam kedua] bagi sub-subdomain solat; [+rukun Islam ketiga] bagi sub-subdomain puasa; [+rukun Islam keempat] bagi sub-subdomain zakat; dan [+rukun Islam kelima] bagi sub-subdomain haji. Kesemua sub-subdomain ini berkongsi fitur bersama [+rukun Islam] dan [+ibadat khusus]. Perbincangan subdomain ini dirumuskan dalam Rajah 5.

Pengklasifikasi kata-kata ini ke dalam setiap sub-subdomain berdasarkan kepada fitur yang dimiliki dalam takrifan kata-kata tersebut. Kata-kata yang diklasifikasi dalam sub-subdomain solat antaranya ialah wuduk, imam, Kaabah, niat dan qada. Ibadat solat memiliki fitur [+wuduk] merujuk pada syarat sah solat; [+imam] merujuk pada ketua solat jemaah]; [+Kaabah] merujuk pada kiblat solat; [+niat] rukun solat; dan [+qada] merujuk pada ibadat solat ganti bagi solat fardu yang ditinggalkan atas sebab-sebab syarak. Bagi sub-subdomain

		Fitur Distingtif	Fitur Bersama
Solat	^	[+ rukun Islam kedua]	
Puasa	^	[+ rukun Islam ketiga]	= [+ rukun Islam]
Zakat	^	[+ rukun Islam keempat]	[+ ibadat khusus]
Haji	^	[+ rukun Islam kelima]	
<b>Petunjuk</b>			
^ Konklusi fitur		+ Fitur	Atau = Persamaan

Rajah 5. Rumus subdomain ibadat

puasa pula antaranya ialah fidyah, imsak, niat, qada dan Ramadan. Ibadat puasa mempunyai fitur [+fidyah] merujuk pada denda meninggalkan puasa; [+imsak] merujuk pada waktu mula berpuasa; [+niat] merujuk kepada rukun puasa; [+qada] merujuk pada puasa ganti; dan [+Ramadan] merujuk pada bulan wajib berpuasa.

Seterusnya, bagi sub-subdomain zakat antaranya ialah amil<sup>1</sup>, asnaf, niat, nisab<sup>2</sup> dan Ramadan. Ibadat zakat memiliki fitur [+amil<sup>1</sup>] merujuk pada pemungut dan penerima zakat; [+asnaf] merujuk pada penerima zakat; [+niat] merujuk kepada rukun zakat; [+nisab<sup>2</sup>] merujuk pada kadar zakat; dan [+Ramadan] merujuk pada bulan wajib berzakat. Selanjutnya, bagi sub-subdomain haji antaranya ialah fidyah, ihram, Kaabah, niat dan tawaf. Ibadat haji memiliki fitur [+fidyah] merujuk pada denda melanggar syarat haji; [+ihram] merujuk pada syarat wajib haji; [+Kaabah] merujuk pada arah pusingan tawaf haji; manakala [+niat] dan [+tawaf] pula merujuk pada rukun haji.

### Subdomain Muamalat

Subdomain muamalat ini dibahagikan kepada tiga sub-subdomain: (1) pertukaran harta, (2) perwarisan harta dan (3) kebajikan harta yang meliputi kepemilikan harta di bawah muamalat (Jadual 1). Pembahagian sub-subdomain ini berdasarkan kepada fitur distingtif [+transaksi] dan [+perkhidmatan] bagi sub-subdomain pertukaran harta; [+pusaka] dan [+pembahagian] bagi sub-subdomain perwarisan harta; dan [+sukarela], [+filantropi] dan [+pemberian] bagi sub-subdomain kebajikan harta. Kesemua sub-subdomain ini berkongsi fitur bersama [+pemilikan harta]. Perbincangan subdomain ini dirumuskan seperti Rajah 6.

Kata-kata yang diklasifikasi dalam sub-subdomain pertukaran harta antaranya ialah al-murabahah, al-rahnu, ijarah, khiyar dan niat. Pemilikan secara pertukaran harta memiliki fitur [+al-murabahah], [+al-rahnu], dan [+al-ijarah] merujuk pada konsep kewangan dan perbankan yang masing-masing melibatkan penjualan, pencagaran dan pemajakan sehingga berlakunya transaksi antara pihak-pihak

		Fitur Distinguifit	Fitur Bersama
Pertukaran harta	^	[+ transaksi] [+ perkhidmatan]	
Perwarisan harta	^	[+ pusaka] [+ pembahagian]	= [+ pemilikan harta]
Kebajikan harta	^	[+ sukarela] [+ filantropi] [+ pemberian]	
<b>Petunjuk</b>			
^ Konklusi fitur    + Fitur      Atau = Persamaan			

Rajah 6. Rumus subdomain muamalat

yang dipersetujui; [+khiyar] merujuk pada hak pemilihan dalam perkhidmatan jual-beli; dan [+niat] merujuk pada tujuan.

Sementara itu, bagi sub-subdomain pewarisan harta antaranya ialah faraid, niat, usyur, waris<sup>1</sup> dan wasi. Pemilikan secara perwarisan harta memiliki fitur [+faraid] merujuk pada pembahagian pusaka berdasarkan kadar ketetapan syarak; [+niat] merujuk kepada pemilik harta yang berkeinginan untuk mewasiatkan hartanya kepada pihak-pihak tertentu; [+usyur] merujuk pada kadar sepersepuluh daripada harta pusaka; [+waris<sup>1</sup>] merujuk kepada waris yang menerima harta pusaka; dan [+wasi] pula merujuk pada individu yang mengurus pewarisan harta pusaka.

Seterusnya, bagi sub-subdomain kebijakan harta pula ialah hibah, infak, niat, sedekah dan wakaf<sup>1</sup>. Pemilikan secara kebijakan harta memiliki fitur [+hibah], [+infak], [+sedekah] dan [+wakaf<sup>1</sup>] merujuk pada amalan-amalan yang melibatkan pemberian, sumbangan dan perbelanjaan secara sukarela; serta [+niat] pula

merujuk pada tujuan pemilik harta untuk memberikannya secara sukarela.

### Subdomain Munakahat

Subdomain ini dibahagikan kepada dua sub-subdomain: (1) pernikahan dan (2) perceraian yang meliputi hubungan kekeluargaan di bawah munakahat (Jadual 1). Pembahagian sub-subdomain ini berdasarkan kepada fitur distinguifit [+perjanjian] dan [+halal hubungan] bagi sub-subdomain pernikahan; dan fitur [+talak; +suami] dan [+pisah; +kadi] bagi sub-subdomain perceraian. Kesemua sub-subdomain ini berkongsi fitur bersama [+undang-undang perkahwinan]. Perbincangan subdomain ini dirumuskan dalam Rajah 7.

Kata-kata yang diklasifikasi dalam sub-subdomain pernikahan antaranya ialah akad nikah, infak, khiyar, mahar dan niat. Undang-undang pernikahan memiliki fitur [+akad nikah] merujuk pada rukun nikah; [+infak] merujuk pada nafkah dalam perkahwinan; [+khiyar] merujuk pada pemilihan dalam perkahwinan; [+mahar] merujuk pada mas-

Pernikahan	$\Delta$	Fitur Distingtif [+ perjanjian] [+ halal perhubungan]	Fitur Bersama $=$ [+ undang-undang perkahwinan]
Perceraian	$\Delta$	[+ talak; + suami] [+ pisah; + kadi]	
<b>Petunjuk</b>			
$\Delta$ Konklusi fitur	+ Fitur	Atau	= Persamaan

Rajah 7. Rumus subdomain munakahat

kahwin dan [+niat] merujuk pada tujuan atau keinginan berkahwin.

Sementara itu, bagi sub-subdomain perceraian pula antaranya ialah fasakh, hadanah, idah, khuluk dan niat. Undang-undang perceraian memiliki fitur [+fasakh] dan [+khuluk] merujuk pada kaedah perceraian; [+huranah] dan [+idah] pula merujuk pada proses-proses selepas perceraian; serta [+niat] pula merujuk pada keinginan perceraian yang dilafazkan.

### Subdomain Jinayah

Subdomain ini merujuk kepada jenayah dan hukuman melakukan perkara-perkara larangan Allah yang dibahagikan kepada tiga sub-subdomain: (1) hudud, (2) qisas dan (3) takzir (Jadual 1). Berbeza dengan tiga subdomain sebelum ini, subdomain jinayah memperlihatkan pembahagian makna yang luas dan dapat mengelirukan pentakrifan makna yang dirujuk. Sehubungan itu, pembahagian ketiga-tiga sub-subdomain ini dijelaskan seperti berikut.

Hudud ialah sejenis jenayah dan hukuman yang ditetapkan oleh syarak,

merujuk kepada kesalahan-kesalahan jenayah yang dikenakan hukuman yang telah ditentukan dan merupakan hak Allah (Hanapi, 2016, p. 61). Hukuman yang telah ditentukan ini merujuk kepada hukuman tetap Allah yang tidak boleh dikurangi, ditambah ataupun diubah suai, manakala hak Allah pula merujuk kepada kesalahan-kesalahan jenayah hudud yang tidak boleh digugurkan baik oleh individu maupun masyarakat kerana melibatkan hak awam dari segi keamanan dan keselamatannya (Hanapi, 2016, p. 62 & p. 255; Ishak, 2000, p. 2). Hal yang sama dikatakan oleh Abdul al-Qadir Audah (1992), pakar jenayah Islam dari Mesir yang dipetik daripada Ishak (2000, p. 2) dan Mohamad (1985, p. 10) menyatakan bahawa hudud ialah pelanggaran hak Allah apabila berkaitan dengan kepentingan dan kemaslahatan masyarakat. Sehubungan itu, takrifan hudud ini memperlihatkan fitur distingtif [+pencerobohan hak Allah], [+pencerobohan hak masyarakat], [+al-Quran], [+hadis] dan [+ketetapan syarak]. Kesalahan hudud ini antaranya ialah mencuri, harabah, zina,

qazaf, minuman khamr (memabukkan) dan riddah (murtad).

Qisas pula ialah sejenis jenayah dan hukuman yang ditetapkan oleh syarak, iaitu hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah menyamai perbuatan yang dilakukannya terhadap mangsa, misalnya hukuman bunuh dijatuhkan kepada pembunuh (Hanapi, 2016, p. 203; Mohamad, 1993, p. 11). Menurut Mohamad (1985; 1993) qisas dari perspektif syarak ialah hukuman yang ditetapkan oleh Allah melalui al-Quran dan hadis nabi kerana kesalahan-kesalahan tersebut melibatkan pencerobohan hak individu seperti jenayah bunuh dan mencederakan anggota badan. Pencerobohan hak individu merujuk kepada situasi sekiranya mangsa diserang, maka mangsa ataupun warisnya berhak menuntut supaya penjenayah tersebut dihukum ataupun diampunkan bagi membolehkan penjenayah tersebut dilepaskan daripada hukuman asal. Dalam konteks ini, diampunkan bermaksud dilepaskan daripada hukuman asal dengan penggunaan diat, iaitu pembayaran dalam bentuk wang dan harta daripada penjenayah sebagai ganti rugi kepada mangsa ataupun warisnya. Dalam jenayah qisas juga terdapat hukuman kafarah, iaitu sama ada memerdekaan seorang hamba ataupun berpuasa selama dua bulan berturut-turut (Hanapi, 2016, p. 126) yang diwajibkan bagi kesalahan membunuh secara tidak sengaja dan membunuh menyerupai sengaja (Mohamad, 1993, p. 97). Takrifan qisas ini secara jelas memperlihatkan fitur distingtif [+pencerobohan hak individu], [+al-Quran], [+hadis] dan [+ketetapan syarak].

Terakhir, takzir pula ialah sejenis jenayah dan hukuman selain daripada hukuman hudud dan qisas yang tidak ditetapkan kadarnya oleh syarak. Kadar hukumannya bergantung kepada budi bicara dan kebijaksanaan pemerintah ataupun kadi. Pemerintah ataupun kadi dalam hal ini mempunyai kuasa yang luas dalam memilih mana-mana hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan dan implikasinya kepada masyarakat setelah mengambil kira keadaan tertuduh dan keadaan kesalahan tersebut (Mohamad, 1985, p. 12–13). Oleh itu, takzir merupakan hukuman yang dikenakan ke atas setiap penjenayah yang telah disabitkan kesalahannya oleh mahkamah (Hanapi, 2016, p. 256). Kesalahan-kesalahan takzir ini ada disebutkan dalam al-Quran dan hadis seperti kesalahan berjudi, rasuah, riba, dan khalwat. Kuasa kadi ataupun pemerintah juga terpakai apabila hukuman takzir dikenakan terhadap kesalahan-kesalahan jenayah qisas ataupun hudud yang tidak boleh dikenakan hukuman asal (hukuman hudud atau qisas) kerana tidak mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan, misalnya kecurian yang dilakukan oleh kanak-kanak kerana bawah umur dan juga bagi kes kecurian barang tertentu yang tidak mencukupi nisab dari segi kadar dan nilainya. Secara keseluruhannya, takzir merupakan hukuman yang tidak tergolong dalam hukuman hudud dan qisas. Oleh itu, takrifan takzir memperlihatkan fitur distingtif [+ketetapan kadi atau pemerintah], [+al-Quran] dan [+hadis]. Secara keseluruhannya, kesemua sub-subdomain hudud, qisas dan takzir berkongsi fitur bersama [+kesalahan],

		Fitur Distingtif	Fitur Bersama
Hudud	„	[+ pencerobohan hak Allah] [+ pencerobohan hak masyarakat] [+ al-Quran] [+ hadis] [+ ketetapan syarak]	
Qisas	„	[+ pencerobohan hak individu] [+ al-Quran] [+ hadis] [+ ketetapan syarak]	= [+ kesalahan] [+ hukuman]
Takzir	„	[+ al-Quran] [+ hadis] [+ ketetapan kadi atau pemerintah]	
<b>Petunjuk</b>			
„ Konklusi fitur      + Fitur        Atau = Persamaan			

Rajah 8. Rumus subdomain jinayat

[+hukuman]. Perbincangan subdomain ini dirumuskan dalam Rajah 8.

Kata-kata yang diklasifikasi dalam sub-subdomain hudud antaranya ialah hakim<sup>1</sup>, liwat, niat, sabit<sup>2</sup> dan zina. Kesalahan hudud memiliki fitur [+liwat] dan [+zina] merujuk pada jenis kesalahan hudud. Manakala fitur [+hakim<sup>1</sup>], [+niat], serta [+sabit<sup>2</sup>] pula merujuk pada perkara-perkara yang terlibat dalam proses pendakwaan dan penjatuhan hukuman hudud. Sementara itu, sub-subdomain qisas meliputi diat<sup>1</sup>, fidyah, hakim<sup>1</sup>, maaf dan niat. Kesalahan qisas memiliki fitur [+diat<sup>1</sup>] dan [+fidyah] merujuk kepada jenis hukuman jenayah qisas. Manakala [+hakim<sup>1</sup>], [+maaf] dan [+niat] pula merujuk pada perkara-perkara yang terlibat dalam pendakwaan dan penjatuhan hukuman qisas. Selanjutnya, sub-subdomain

takzir antaranya ialah hakim<sup>1</sup>, khalwat, maksiat, niat dan rasuah. Kesalahan takzir memiliki fitur [+khalwat], [+maksiat], dan [+rasuah] merujuk pada jenis kesalahan takzir; manakala [+hakim<sup>1</sup>] dan [+niat] merujuk kepada perkara-perkara yang terlibat dalam pendakwaan dan penjatuhan hukuman takzir.

Pengklasifikasian kata dalam domain syariah kepada subdomain ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat seterusnya memperlihatkan berlakunya hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain. Hubungan ini masing-masingnya merujuk kepada situasi kata dalam subdomain dan sub-subdomain tertentu yang dapat juga berada dalam subdomain ataupun sub-subdomain yang berbeza pada satu masa.

**Hubungan Intrasubdomain.** Hubungan intrasubdomain berlaku apabila perkataan yang sama dapat diklasifikasi kepada mananya dua subdomain ataupun lebih dalam domain syariah seperti kata niat, fidyah, infak dan khiyar. Contohnya, kata niat dapat berada dalam keempat-empat subdomain, iaitu ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat. Situasi ini berlaku berdasarkan polisem berikut:

**niat** 1 azam dlm hati utk melakukan ibadat solat, puasa dsb, yg menjadi sebahagian dr rukun ibadat tsb. 2 keinginan atau maksud yg ada dlm hati atau fikiran sso utk melakukan sst. 3 janji dlm hati utk melakukan sst jika terkabul sst yg dipohon atau dihajati.

(KDP, 2021, p. 1534)

Kata niat pada polisem yang pertama berada dalam subdomain Ibadat, manakala polisem kedua pula memperlihatkan kata niat didapati berada dalam subdomain muamalat, munakahat dan jinayat. Hal ini berlaku kerana kata niat dalam keempat-empat subdomain ini memperlihatkan perkongsian komponen makna bersama, iaitu fitur [+azam] dan [+keinginan yang kuat]. Niat dalam subdomain ibadat merujuk kepada rukun ibadat seperti niat solat dan niat berpuasa. Sementara itu, niat secara terperinci dalam subdomain muamalat, munakahat dan jinayat pula masing-masingnya merujuk pada keinginan melakukan jual beli dan lain-lain aktiviti berkaitan harta, pernikahan, perceraian dan perbuatan jenayah. Hubungan intrasubdomain bagi kata niat ini dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2  
*Hubungan intrasubdomain kata niat*

Domain		Syariah						
Subdomain		Ibadat				Muamalat		
Sub-subdomain	Solat	Puasa	Zakat	Haji	Pertukaran Harta	Pewarisan Harta	Kebajikan Harta	
<b>Kata pinjaman BA</b>	niat	niat	niat	niat	niat	niat	niat	niat

Domain		Syariah				
Subdomain		Munakahat			Jinayat	
Sub-subdomain	Pernikahan	Perceraian	Hudud	Qisas	Takzir	
<b>Kata pinjaman BA</b>	niat	niat	niat	niat	niat	niat

Jadual 2 memperlihatkan hubungan intrasubdomain bagi kata niat yang terdapat dalam empat subdomain yang berbeza. Kata niat ini dapat dirujuk sebagai salah

satu rukun baik dalam solat, puasa, zakat, mahupun haji sebagai rukun ibadat. Sementara itu, kata niat dalam subdomain muamalat, munakahat dan jinayat tidak

secara spesifik merujuk pada rukun, tetapi masing-masingnya secara umum merujuk kepada keinginan melakukan perbuatan yang melibatkan pertukaran harta, perwarisan harta, kebajikan harta, pernikahan, perceraian, kesalahan hudud, kesalahan qisas, dan kesalahan takzir.

Hal yang sama bagi kata fidyah dalam subdomain ibadat dapat juga berada dalam subdomain jinayat berdasarkan polisem berikut:

**fidyah 1** denda dlm bentuk pemberian suatu hidangan lengkap atau yg sama nilai dengannya kpd fakir miskin, dikenakan ke atas sso yg tidak dapat berpuasa pd bulan Ramadan krn sebab-sebab tertentu, atau yg tidak dapat menggantikan puasa wajib pd sst tahun sehingga tiba Ramadan pd tahun

berikutnya; **2** denda krn melanggar syarat yg ditetapkan dlm ibadah haji atau umrah, iaitu membayar dam, berpuasa dan memberi makan kpd fakir miskin; **3** denda dlm bentuk wang atau harta, yg dikenakan ke atas sso yg membunuh atau mencederakan anggota tubuh sso berdasarkan keadaan jenayah yg ditetapkan oleh syarak; diat.

(KDP, 2021, p. 597)

Takrifan kata fidyah dalam polisem yang pertama dan kedua berada dalam subdomain ibadat, sementara polisem yang ketiga pula berada dalam subdomain jinayat. Hal ini berlaku kerana kata fidyah dalam kedua-dua subdomain ini memperlihatkan perkongsian komponen makna bersama, iaitu fitur [+denda]. Hubungan intrasubdomain bagi kata fidyah ini adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3

*Hubungan intrasubdomain kata fidyah*

Domain					Syariah			
Subdomain		Ibadat			Muamalat	Munakahat	Jinayat	
Sub-subdomain	Solat	Puasa	Zakat	Haji		Hudud	Qisas	Takzir
Kata pinjaman BA		fidyah		fidyah	↔		fidyah	

Jadual 3 memperlihatkan hubungan intrasubdomain ibadat dan jinayat bagi kata fidyah. Fidyah dalam subdomain ibadat merujuk pada denda akibat tidak berpuasa dan melanggar syarat ibadah haji manakala fidyah dalam subdomain jinayat pula merujuk pada denda bagi kesalahan qisas

akibat membunuh atau mencederakan tubuh seseorang yang dirujuk juga sebagai diat.

Begitu juga bagi kata infak yang memperlihatkan hubungan intrasubdomain apabila kata ini dapat berada dalam subdomain Muamalat dan Munakahat. Hal ini berlaku berdasarkan polisem berikut:

Jadual 4

*Hubungan intrasubdomain kata infak*

Domain		Syariah				
Subdomain	Ibadat	Muamalat		Munakahat		Jinayat
Sub-subdomain		Pertukaran Harta	Pewarisan Harta	Kebajikan Harta	Pernikahan Harta	Perceraian
Kata pinjaman BA				infak ↔ infak		

**infak 1** pemberian, sumbangan atau perbelanjaan wang, harta dsb biasanya utk tujuan kebajikan spt derma. **2** pemberian nafkah oleh suami kpd isteri.  
(KDP, 2021, p. 825)

Kata infak dalam polisem yang pertama berada dalam subdomain muamalat, sementara polisem kedua pula berada dalam subdomain munakahat. Hal ini berlaku kerana kata infak dalam kedua-dua subdomain ini memperlihatkan perkongsian

komponen makna bersama, iaitu fitur [+pemberian] seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4 memperlihatkan infak dalam subdomain muamalat merujuk pada pemberian yang menjurus kepada kebajikan harta melibatkan pihak-pihak tertentu misalnya antara dermawan dan orang miskin. Sementara itu, infak dalam subdomain munakahat pula merujuk pada pemberian nafkah dalam perkahwinan yang melibatkan suami isteri.

Jadual 5

*Hubungan intrasubdomain kata khiyar*

Domain		Syariah				
Subdomain	Ibadat	Muamalat		Munakahat		Jinayat
Sub-subdomain		Pertukaran Harta	Pewarisan Harta	Kebajikan Harta	Pernikahan Harta	Perceraian
Kata pinjaman BA		khiyar	↔		khiyar	

Hal yang sama, kata khiyar dapat berada dalam subdomain muamalat dan subdomain munakahat berdasarkan takrifan berikut:

**khiyar** hak utk membuat pilihan yg terbaik antara dua perkara sama ada utk diteruskan atau ditinggalkan, mis dlm jual beli atau perkahwinan.

(KDP, 2021, p. 1108)

Kata khiyar dalam takrifan ini secara langsung memperlihatkan perkongsian fitur [+hak pemilihan] yang melibatkan urusan jual beli dalam subdomain muamalat dan juga urusan pernikahan dalam subdomain munakahat seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5 memperlihatkan kata khiyar boleh dirujuk sebagai pemilihan dalam

jual beli di bawah subdomain muamalat dan pemilihan perkahwinan iaitu dalam pernikahan di bawah subdomain munakahat.

Secara keseluruhannya, analisis ini menemukan dua kes bagi hubungan intrasubdomain, iaitu pertamanya kata yang memperlihatkan hubungan intrasubdomain dalam keempat-empat subdomain yang wujud iaitu subdomain ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat, iaitu kata niat. Kedua, hubungan intrasubdomain dalam subdomain tertentu sahaja, iaitu hubungan intrasubdomain antara subdomain ibadat dan jinayat, iaitu kata fidyah; dan hubungan intrasubdomain antara subdomain muamalat dan munakahat, iaitu kata infak dan khiyar.

**Hubungan Intrasub-subdomain.** Hubungan intrasub-subdomain ini berlaku apabila perkataan yang sama dapat diklasifikasi kepada mana-mana dua sub-subdomain ataupun lebih di bawah satu subdomain, misalnya kata Kaabah dapat diklasifikasi ke dalam sub-subdomain solat dan haji di bawah subdomain ibadat seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6

*Hubungan intrasub-subdomain kata Kaabah*

Domain		Syariah		
Subdomain		Ibadat		
Sub-subdomain	Solat	Puasa	Zakat	Haji
Kata	Kaabah			Kaabah
pinjaman				
BA				

Jadual 6 memperlihatkan hubungan intrasub-subdomain yang berlaku bagi kata Kaabah berdasarkan takrifan berikut:

**Kaabah** bangunan berbentuk kiub di dlm Masjidilharam yg menjadi kiblat bagi umat Islam ketika bersolat, dan tempat utk bertawaf semasa mengerjakan ibadah haji atau umrah; Baitullah

(KDP, 2021, p. 927)

Kata Kaabah memperlihatkan perkongsian komponen makna bersama, fitur [+kiblat] bagi solat dan haji. Dalam konteks ini, kiblat merujuk pada arah ke Kaabah di Makkah yang dihadap oleh orang Islam ketika mengerjakan solat tanpa batasan geografi dan ketika bertawaf semasa mengerjakan haji sebagai syarat sah bagi solat<sup>3</sup> dan tawaf<sup>4</sup>.

Hal yang sama bagi kata qada yang boleh berada dalam sub-subdomain solat dan juga sub-subdomain puasa di bawah subdomain ibadat seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7

*Hubungan intrasub-subdomain kata qada*

Domain		Syariah		
Subdomain		Ibadat		
Sub-	solat	Puasa	Zakat	Haji
Kata	qada	qada		
pinjaman				
BA				

3 Syarat Sah Solat: 1 Bersuci; 2 Mengetahui masuk waktu; 3 Menutup aurat; 4 Menghadap kiblat (Al-Bakri, 2017b).

4 Syarat Sah Tawaf: 1 Hendaklah mempunyai semua syarat sebagaimana syarat sah solat, iaitu niat, suci daripada hadas besar dan kecil, suci daripada najis sama ada pada badan pakaian atau tempat tawaf dan menutup aurat; 2 Semasa tawaf, mana-mana bahagian badan, janganlah termasuk ke dalam sempadan Kaabah; 3 Tawaf hendaklah dimulakan dari Hajar Aswad dengan Kaabah berada di sebelah kiri badan; 4 Hendaklah menyempurnakan tawafnya sebanyak 7 kali (Al-Bakri, 2017b).

Jadual 7 memperlihatkan hubungan intrasub-subdomain yang berlaku dalam subdomain ibadat, iaitu kata qada boleh berada dalam sub-subdomain solat dan puasa. Hal ini berlaku berdasarkan takrifan berikut:

**qada** perbuatan melaksanakan ibadah wajib spt puasa dan solat pd masa lain drp waktu yg sepatutnya atas sebab tertentu mengikut ketentuan syarak.

(KDP, 2021, p. 1790)

Dalam konteks ini, qada solat merujuk pada perbuatan menggantikan solat yang tidak dilaksanakan pada waktunya manakala qada puasa pula merujuk kepada perbuatan menggantikan puasa fardu semasa bulan Ramadan yang ditinggalkan atas sebab-sebab tertentu, misalnya keuzuran bagi orang tua, kedatangan haid bagi wanita dan sebagainya. Komponen makna bersama, iaitu fitur [+menggantikan] dan [+luar waktu] menjadikan kata qada ini boleh berada dalam kedua-dua sub-subdomain solat dan puasa. Walau bagaimanapun, qada tidak terpakai bagi ibadat zakat dan haji kerana terdapat ketentuan syarak yang berbeza, iaitu pelaksanaan ibadat Zakat dan Haji mempunyai tempoh masa tetap<sup>5</sup> yang tidak boleh dilakukan pada luar waktunya atas alasan apapun.

Seterusnya, kata Ramadan dapat berada dalam sub-subdomain Puasa dan sub-subdomain Zakat di bawah subdomain Ibadat seperti dalam Jadual 8.

<sup>5</sup> Ibadah haji dilakukan dalam bulan-bulan tertentu sahaja. Ia tidak harus dilakukan dalam bulan-bulan yang lain, malah tidak sah niat haji kecuali dalam bulan-bulan tertentu, iaitu Syawal, Zulkaedah dan sepuluh hari yang pertama bulan Zulhijjah. (Al-Bakri, 2017b)

Jadual 8

*Hubungan intrasub-subdomain kata Ramadan*

Domain		Syariah		
Subdomain		Ibadat		
Sub-subdomain		Solat	Puasa	Zakat
Kata pinjaman BA			Ramadan	Ramadan

Jadual 8 memperlihatkan hubungan intrasub-subdomain kata Ramadan yang berlaku berdasarkan takrifan berikut:

**Ramadan** bulan kesembilan dlm tahun Hijrah, iaitu bulan umat Islam diwajibkan berpuasa, membayar zakat fitrah, disunatkan bertarawih serta membanyakkan amalan sunat, dan pd bulan ini berlakunya lailatulqadar.

(KDP, 2021, p. 1806)

Kata Ramadan ini memperlihatkan perkongsian komponen makna bersama, fitur [+wajib] bagi puasa dan zakat sehingga membolehkannya berada dalam sub-subdomain tersebut. Berdasarkan hukum, ibadat puasa dan zakat fitrah ini wajib dilaksanakan pada bulan Ramadan setiap tahun.

Hal yang sama bagi kata hakim<sup>1</sup> yang berada dalam ketiga-tiga sub-subdomain hudud, qisas dan takzir di bawah subdomain jinayat dalam Jadual 9.

Jadual 9

*Hubungan intrasub-subdomain kata hakim<sup>1</sup>*

Domain		Syariah		
Subdomain		Jinayat		
Sub-subdomain		Hudud	Qisas	Takzir
Kata pinjaman BA		hakim <sup>1</sup>	hakim <sup>1</sup>	hakim <sup>1</sup>

Jadual 9 memperlihatkan hubungan intrasub-subdomain yang berlaku dalam subdomain Jinayat bagi kata hakim<sup>1</sup> yang boleh berada dalam sub-subdomain hudud, qisas dan takzir. Hal ini berlaku berdasarkan takrifan berikut:

**hakim<sup>1</sup>** 1 orang yg mempunyai kuasa, yg dilantik utk mengadili perbicaraan di mahkamah dan menjatuhkan hukuman kpd orang yg bersalah. 2 orang yg dilantik utk mengadili dan memberi markah kpd peserta serta menentukan pemenang bagi sst pertandingan atau perlawanan. 3 sso yg menilai sst sifat atau perkara spt mutu, prestasi, keadilan dan kebolehan. 4 sso yg mendamaikan orang yg bergaduh atau berbalah.

(KDP, 2021, p. 726)

Berdasarkan takrifan hakim<sup>1</sup>, polisem pertama memperlihatkan perkongsian komponen makna bersama melalui fitur [+kuasa menghukum] kepada individu berjawatan hakim yang terangkum pada ketiga-tiga sub-subdomain hudud, qisas dan takzir.

Secara keseluruhannya, analisis ini menemukan dua kes bagi hubungan intrasub-subdomain, iaitu terdapat kata yang memperlihatkan hubungan intrasub-subdomain dalam kesemua sub-subdomain yang wujud, iaitu kata hakim<sup>1</sup> memperlihatkan hubungan ini dalam ketiga-tiga sub-subdomain hudud, qisas dan takzir di bawah subdomain jinayat. Sementara itu, bagi kes yang kedua pula ditemukan hubungan intrasub-subdomain dalam sub-subdomain tertentu sahaja, iaitu

kata Kaabah, qada dan Ramadan masing-masingnya memperlihatkan hubungan ini antara sub-subdomain solat dan haji; sub-subdomain solat dan puasa; dan sub-subdomain puasa dan zakat di bawah subdomain ibadat.

Dapatan analisis ini memperlihatkan bahawa hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain yang ditemukan dalam pemetaan dan pengklasifikasian domain semantik syariah ini bertitik tolak daripada hubungan makna polisemi dan juga fitur bersama dan distingtif berdasarkan takrifan kata. Penemuan hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain ini dapat menjelaskan hubungan makna leksikal yang wujud antara kata dalam domain secara spesifik dari aspek semantiknya melalui fitur-fitur bersama dan distingtif yang dibincangkan. Perbincangan hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain dalam kajian domain semantik ini turut diperlihatkan dalam kajian lepas oleh Zahid et al. (2022). Hal ini membuktikan bahawa pemetaan dan pengklasifikasian domain yang dilakukan memperlihatkan kata-kata dalam sistem bahasa saling berhubungan maknanya dan memberikan impak terhadap kefahaman pengguna bahasa dalam memahami sesuatu konsep terutamanya konsep bidang agama seperti syariah dalam kajian ini.

## KESIMPULAN

Pemetaan domain semantik syariah yang diselaraskan dengan Teori Domain Semantik Trier membentuk tiga aras hierarki yang masing-masingnya merujuk pada

domain, subdomain dan sub-subdomain. Pengisian domain semantik syariah kepada subdomain ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat dilakukan dengan mengambil kira perbincangan sarjana syariah dan setiapnya pula terdapat pembahagian lebih khusus yang merujuk pada aras sub-subdomain di bawahnya. Aras-aras dalam domain ini memperlihatkan wujudnya hubungan makna dalam subdomain dan sub-subdomain, iaitu hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain. Hal ini bertitik tolak daripada kata yang berpolisemi yang memiliki fitur makna bersama dan distingtif dalam takrifan kata-kata yang dirujuk. Dapatan ini memperlihatkan domain semantik syariah yang luas dapat dijelaskan secara sistematik melalui penstrukturuan hubungan makna dalam pemetaan domain semantik dan pengklasifikasian kata-kata dalam domain yang memperlihatkan hubungan intrasubdomain dan intrasub-subdomain. Pemetaan ini dapat mempermudah pemahaman undang-undang syariah Islam apabila domain yang luas ini dapat distrukturkan dalam hubungan subdomain dan sub-subdomain dengan pengklasifikasian kata-kata tersebut.

## PENGHARGAAN

Projek ini telah dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Fundamental Research Grant Scheme (DP KPT FRGS/1/2021/SSI0/UM/02/11 bertajuk Pengklasifikasian Domain Semantik Kosa Kata Pinjaman Bahasa Arab dan Korelasinya dengan Kod Jawi).

## RUJUKAN

- Ahmad, H., Ghafar, N. A., & Bahjat, M. M. (2017). Teks prosa Zarzuriyyat Ibn Fakhaar: Analisa korpus bertema berdasarkan Teori Medan Makna. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(3), 21-31.
- Al-Bakri, Z. M. (2017a). *Al-fiqh al-manhaji: Wasiat dan jenayah dalam fiqh al-Syafi'i*. Darul Syakir Enterprise.
- Al-Bakri, Z. M. (2017b). *Al-fiqh al-manhaji: Ibadat dalam fiqh al-Syafi'i*. Darul Syakir Enterprise.
- Al-Bakri, Z. M. (2020, April 20). *Al-Bayan Siri 6: Malaysia Negara Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Satu Penegasan*. Zulkiflialbakri.com. <https://zulkiflialbakri.com/al-bayan-siri-5-malaysia-negara-ahli-sunnah-wal-jamaah-satu-penegasan/>
- Atmawati, D. (2021). The semantic field of ngethok 'to cut' and sociocultural factors in Javanese society: Sociosemantic study. *Journal of Language and Literature*, 21(2), 429-438. <https://doi.org/10.24071/joll.v21i2.3415>
- Beg, M. A. J. (1979). *Arabic loan-words in Malay: A comparative study* (2<sup>nd</sup> ed.). Cambridge Universiti Press.
- Butar, B. P. B. (2021). *The word formation and semantic domains in Covid-19 sections in WHO website*. [Unpublish master's thesis]. Universitas Sanata Dharma Yogyakarta.
- Geeraerts, D. (2010). *Theories of lexical semantics*. Oxford University Press.
- Hanapi, M. S. (Ed.). (2016). *Kamus istilah undang-undang jenayah syariah: (hudud, qisas dan takzir)*. UNISSA Press.
- Hilmi, H. S., & Loren, F. T. A. (2019). Medan makna aktivitas tangan dalam bahasa Sasak Dialek Ngeno-Ngene. *Ranah: Jurnal Kajian Bahasa*, 8(1), 53-75. <https://doi.org/10.26499/rnh.v8i1.625>
- Hussain, M. N. M., Naiimi, M., & Shuib, M. S. (2013). *Mengurus harta menurut fiqh muamalat*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.

- Hutasuhut, A., & Waridah, W. (2019). Semantic domain of hand activity to hold in mandailing language. *Budapest International Research and Critics Institute (BIRCI-Journal): Humanities and Social Sciences*, 2(4), 344-353. <https://doi.org/10.33258/birci.v2i4.597>
- Idris, I. (2018). *Medan semantik hati budi Melayu berdasarkan warkah Melayu lama*. (Unpublished Doctoral dissertation). Universiti Putra Malaysia.
- Ishak, M. S. (2000). *Hudud dalam fiqh Islam*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, F. (2015). *Asas-asas muamalah dalam Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jantan, O. (2001). *Pedoman mu'amalah dan munakahat (Civil transaction)*. Pustaka Nasional.
- Jones, R. (2008). *Loan-words in Indonesian and Malay*. KITLV Press.
- Kamaruddin, Z., & Abdullah, R. (2002). *Kamus istilah undang-undang keluarga islam*. Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2021). *Kamus dewan perdana*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kempson, R. M. (1991). *Teori semantik* (Zaiton Ab. Rahman, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1977).
- Lehrer, A. (1974). *Semantic field and lexical structure*. North-Holland Publishing Company.
- Lestari, W. A., Simanjuntak, H., & Syahrani, A. (2015). Medan makna verba memotong dalam bahasa Melayu dialek Sambas. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 4(6), 1-16. <http://dx.doi.org/10.26418/jppk.v4i6.10398>
- Lubis, A. T. H. M. (1972). *Ilmu fiqih: Ibadat, mu'amalah, munakahat dan djinajat*. Firma Islamyah.
- Maarof, Y., & Majid, M. K. A. (2015a). *Pembelajaran Islam amali: Panduan fiqh ibadat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maarof, Y., & Majid, M. K. A. (2015c). *Pembelajaran Islam amali: Panduan fiqh jinayat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maarof, Y., & Majid, M. K. A. (2015b). *Pembelajaran Islam amali: Panduan fiqh munakahat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid, M. Z. A. (1999). Sains muamalah Islam: Antara ideal dan realiti. In A. J. Borham (Ed.), *Sains muamalah Islam di Malaysia* (pp. 11-19). Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Majma' al-Lughah al-'Arabīyah. (2011). *al-Mu'jam al-Wasīt*. Maktabah al-Shuruq al-Duwalīyya.
- Mohamad, A. H. (1996). *Perkembangan fiqh Islam* (Mohd Asri Hashim, Trans.). Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Mohamad, M. (1985). *Jinayah dalam Islam: Satu kajian ilmiah mengenai hukum-hukum hudud*. Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dengan kerjasama Nurin Enterprise.
- Mohamad, M. (1993). *Undang-undang jenayah Islam mengenai jenayah qisas bunuh*. Dewan Pustaka Fajar dan Persatuan 'Ulama' Malaysia.
- Mutalib, L. A. (2014). *Tafsir maudhu'iyy : hudud, qisas dan ta'zir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, E. A. (1975). *A componential analysis of meaning: An introduction to semantic structures*. The Hague.
- Nida, E. A. (1996). *Menerokai struktur semantik* (Kader, M., Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1975).
- Nor, N. H. M. (2018). "Hati" dalam medan makna emosi menerusi karya agung pantun Melayu. In I. Zahid & N. A. N. Pramono (Eds.), *Khazanah Melayu serumpun dalam era baharu* (pp. 16-36). Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu Universiti Malaya.
- Nurhuda, Z. (2018). Medan makna jihad dalam perspektif bahasa Arab dan Islam. *Buletin al-Turas: Mimbar Sejarah, Sastra, Budaya, dan Agama*, 24(1) 89-105. <https://doi.org/10.15408/bat.v24i1.7589>

- Othman, M. B. & Badruddin, M. N. (2020). Analisis mesej dakwah islamiah dalam halaman facebook. *Asian People Journal*, 3(SI1), 41-51. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.SI1.237>
- Rachmayanti, N. A., Muhlason, M., Hakim, M. L., Jannah, R. A., & Wulandari, B. (2018). Analisis medan makna leksem "memotong". *Konvergensi Sains & Humaniora*, 1(1), 185-197.
- Rahman, M. S. A. (1989). *Undang-undang jenayah Islam: Jenayah Qisas*. Al-Rahmaniah.
- Rosele, M. I. (2021). *Usul al-fiqh*. Penerbit Universiti Malaya.
- Saleh, M. H., Hamzah, Z. A. Z., & Rodi, R. C. (2021). Medan makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' dalam ungkapan 'Malaysia Baharu' Mei 2018. *Persatuan Linguistik Malaysia*, 25(1), 100-117.
- Toni, E. A., Siwa, Y. N., & Sombo, I. T. (2021). Semantic mapping of the name flora and fauna at Danau Laut Mati Tasi Ana' in Landu Dialect of Rote Language. *Jurnal Sains dan Humaniora*, 11(1), 54-68. <https://doi.org/10.31940/soshum.v11i1.2181>
- Wilkinson, R. J. (1959). *A Malay-English dictionary*. Macmillan & Co LTD.
- Windstedt, R. O. (1960). *Kamus bahasa Melayu*. Maricon & Sons.
- Yahaya, M. Z., Othman, M. S., Abdullah, W. N. W., Hanafiah, M. G., Mutallib, L. A., Yahaya, R., Abdullah, W. N. W. & Abdullah, S. (2014). *Tafsir maudhu 'iy: Ibadah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba (with Asmah Haji Omar). (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1934).
- Zahid, I. (2020). Domain semantik, kata kerja dan kolokasi dalam iklan produk kecantikan wanita. *Issues in Language Studies*, 9(1), 28-50. <https://doi.org/10.33736/ils.1797.2020>
- Zahid, I. (2021). *Makna: Konsep dan komunikasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Zahid, I., Bakar, N. A., Ali, W. Z. K. W. & Jusoff, K. (2022). Pemetaan domain semantik akidah: Penyelesaian kekaburuan makna. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2), 83-102.

